



19hb Februari 2020
25 Jamadilakhir 1441H

Assalamualaikum Wr.Wb.

Muslimin dan Muslimat,

Penangguhan Majlis Zikra Rasul Kali Ke-54 anjuran Madrasah Wak Tanjong Al-Islamiah

Memandangkan penularan terkini COVID-19 yang melanda dunia dan Singapura khususnya, MWTI ingin mengumumkan bahawa Majlis Zikra Rasul kali ke-54 yang telah dijadualkan pada 29 Februari 2020 dan 1 March 2020 ini, **terpaksa ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan diumumkan kemudian.**

Ini kerana sebagai sebuah institusi pendidikan, kami tertakluk dengan peraturan Kementerian Pendidikan (MOE) yang tidak membenarkan apa-apa perhimpunan dan kegiatan-kegiatan yang melibatkan jumlah peserta yang ramai dan melibatkan pelajar.

Tarikh Majlis Zikra Rasul yang baru akan diumumkan sebaik saja keadaan reda dan setelah mendapat pengesahan daripada pihak berwajib.

Bagi mereka yang telah menderma melalui kad derma Zikra Rasul dan jamuan beriyani, ribuan terima kasih kami ucapkan di atas sokongan anda sekalian dan kami akan pastikan Majlis Zikra Rasul MWTI InshaAllah tetap akan diadakan.

Bagi mereka yang masih belum pulangkan kad derma pula, tarikh dikembalikan kepada Madrasah akan dilanjutkan hingga akhir cuti penggal pertama iaitu pada 23 March 2020.

Sekali lagi kami minta maaf di atas penundaan ini dan terima kasih kerana terus menyokong Madrasah Wak Tanjong Al-Islamiah.

Sekian, Wassalam

Yang Benar,

Ustazah Masnjia Nassim
Mudirah MWTI